

---

## KAJIAN PERBANDINGAN KEDUDUKAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM BERKAITAN POLIGAMI DI MALAYSIA, INDONESIA, BRUNEI DAN MESIR

### ***A COMPARATIVE STUDY OF LEGAL POSITION OF POLIGAMY UNDER ISLAMIC FAMILY LAW IN MALAYSIA, INDONESIA, BRUNEI AND EGYPT***

<sup>i</sup>Abdul Muhammin bin Muhd Aznor, <sup>ii</sup>Muhammad Izzat Irfan bin Rosman, <sup>iii</sup>Nur Sabrina Syakirah Binti Abdul Halim,  
<sup>iv</sup>Laiyinah binti Hazman Fansuri, <sup>v</sup>'Nur'Ain Atiqah Binti Othman & <sup>vi</sup>Hendun binti Abd Rahman Shah\*

<sup>i, ii, iii, iv, v, vi</sup> Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

\*(Corresponding author) e-mail: [hendun@usim.edu.my](mailto:hendun@usim.edu.my)

#### **ABSTRACT**

Polygamous marriages are permissible in Islam, as stated in the Quran. However, the uncontrolled practice of polygamy has caused problems and injustice to wives. Therefore, most Muslim countries have regulated certain legal provisions related to polygamy in their national legislation to safeguard the justice and welfare of women and children. This study aims to provide an explanation and comparison of laws on polygamy in selected Muslim-majority countries. Each country has its own laws that basically allow polygamy, but their implementation varies based on the interpretation of Islamic law and the culture of each country. This study uses a qualitative approach that focuses on research and reading based on articles, journals, related cases, and Fiqh books, as well as Islamic family law enactments and decided cases. The result of the study found that Islamic jurisprudence in these Muslim majority countries emphasises the welfare of existing wives and does not allow men to engage in polygamy if it causes unfairness and neglects responsibility.

**Keywords:** Polygamy, Islamic Family Law and Hukum Syarak

## ABSTRAK

Perkahwinan poligami dibenarkan dalam Islam, seperti yang dinyatakan dalam Al-Quran. Walau bagaimanapun, amalan poligami yang tidak terkawal telah menyebabkan masalah dan ketidakadilan kepada isteri. Oleh itu, kebanyakan negara Islam telah mengawal peruntukan undang-undang tertentu yang berkaitan dengan poligami dalam perundangan negara mereka untuk menjaga keadilan dan kebijakan wanita dan kanak-kanak. Kajian ini bertujuan untuk memberi penjelasan dan perbandingan undang-undang mengenai poligami di negara-negara majoriti Islam terpilih iaitu Malaysia, Indonesia, Brunei dan Mesir. Setiap negara mempunyai undang-undang sendiri yang pada asasnya membenarkan poligami, tetapi pelaksanaannya berbeza-beza berdasarkan tafsiran undang-undang Islam dan budaya setiap negara. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembacaan berdasarkan artikel, jurnal, kes-kes berkaitan, dan buku Fiqh, serta enakmen undang-undang keluarga Islam dan kes-kes yang diputuskan. Hasil kajian mendapati bahawa perundangan Islam di negara-negara majoriti Islam ini menekankan kebijakan isteri sedia ada dan tidak membenarkan lelaki terlibat dalam poligami jika ia menyebabkan ketidakadilan dan mengabaikan tanggungjawab.

**Kata Kunci:** Poligami, Undang-Undang Keluarga Islam dan Hukum Syarak

### Pendahuluan

Poligami dalam Islam merujuk kepada perkahwinan seorang lelaki yang mempunyai lebih daripada seorang isteri pada masa yang sama. Amalan ini diatur dalam al-Quran yang menyediakan beberapa syarat dan batasan yang harus dipenuhi agar poligami dapat dilaksanakan. Terdapat ayat al-Quran menyebut bahawa seorang muslim dibolehkan beristeri lebih daripada satu sehingga empat, dengan syarat berlaku adil dan saksama terhadap setiap isteri (Surah An-Nisa: 3). Walau bagaimanapun, adalah penting untuk diperhatikan bahawa poligami bukanlah satu kewajipan dalam Islam, sebaliknya satu pilihan yang dibenarkan dengan syarat-syarat tertentu. Seseorang yang ingin berpoligami perlu menitik beratkan aspek etika, tanggungjawab dan keadilan terhadap isteri-isterinya.

Poligami mempunyai akar sejarah dalam banyak tamadun khususnya Islam dan telah diamalkan atas pelbagai sebab, termasuk tradisi budaya, pertimbangan ekonomi, dan kepercayaan agama. Dalam sesetengah kes, ia telah menjadi cara untuk menyatukan kuasa, membina pakatan atau menangani ketidakseimbangan demografi.

Terdapat pelbagai sebab dan alasan yang sering diberikan untuk mengamalkan poligami termasuk keinginan untuk membantu wanita yang tidak mempunyai perlindungan, keseimbangan antara keperluan emosi dan tanggungjawab sosial, dan situasi di mana seorang lelaki boleh memberikan perlindungan dan sokongan kepada lebih daripada satu keluarga. Walau bagaimanapun, amalan ini juga boleh menimbulkan cabaran dari segi keadilan, keseimbangan emosi dan tanggungjawab. Adil dalam masalah poligami dimaksudkan sebagai kemampuan seorang suami untuk menyamaratakan kepada isteri-isteri dari segi nafkah dan tempat tinggal (Wahbah Zuhaili, 2010). Adalah penting untuk diperhatikan bahawa tafsiran dan pelaksanaan poligami mungkin berbeza-beza di kalangan masyarakat Islam di sesebuah negara. Setiap individu atau keluarga juga boleh memutuskansama ada untuk terlibat dalam amalan ini atau tidak, dengan mengambil kira nilai etika dan perundangan Islam.

Banyak negara tidak kira negara Islam atau negara sekular mempunyai sistem perundangan tersendiri berkaitan dengan poligami. Terdapat negara meletakkan peraturan dan sekatan khusus berkenaan poligami. Sesetengah tempat melarangnya, menganggap monogami sebagai standard undang-undang untuk perkahwinan. Kebanyakan negara di eropah mengamalkan sistem monogami yang mereka telah jalankan dan ia bukanlah berasal daripada agama Kristian tetapi merupakan warisan agama sebelumnya (Zaini Nasohah, 2000). Oleh itu, undang-undang negara yang terlibat boleh membenarkan bentuk poligami tertentu dalam keadaan tertentu atau dalam masyarakat budaya atau agama tertentu. Bahkan, status undang-undang poligami sering mencerminkan nilai sosial dan budaya yang lebih luas bagi masyarakat tertentu.

## Metodologi

Artikel ini menggunakan kajian kualitatif yang melibatkan pengumpulan data menggunakan kaedah kajian kepustakaan. Kaedah kajian perpustakaan digunakan untuk mengumpul dan mengenal pasti bahan bacaan yang berkaitan dengan isu yang diketengahkan di dalam artikel ini seperti Akta, Enakmen, Kaedah-Kaedah, jurnal, artikel, kertas prosiding, buku-buku dan kes undang-undang. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti data-data berkaitan kes-kes yang melibatkan salah laku jenayah syariah dalam melanggar prosedur berpoligami yang betul mengikut undang-undang negara masing-masing serta kes-kes yang menunjukkan elemen yang dipertimbangkan oleh mahkamah dalam membenarkan sesuatu permohonan poligami. Data-data yang diperolehi akan dikritik untuk mengemukakan hasil dapatan kajian. Kajian ini membuat perbandingan kedudukan perundangan negara majoriti Muslim iaitu negara Indonesia, Brunei dan Mesir.

## Perbincangan

### *Poligami menurut Hukum Syarak*

Hukum Syarak menafsirkan poligami sebagai *ta'addudu Al-Zaujat*. Ta'addudu membawa maksud bilangan manakala Al-Zaujat merupakan jamak bagi perkataan Zaujah yang bermaksud isteri. Apabila dua perkataan tersebut digabungkan ia membawa erti berbilang isteri atau isteri yang banyak. Maka dari segi istilah boleh dimaksudkan sebagai seorang lelaki berkahwin lebih daripada seorang isteri.

Dasar hukum yang membolehkan suami untuk berpoligami pada firman Allah pada ayat ke-3 surah An-Nisa, yang bermaksud:

*“Dan jika kamu khawatir tidak akan mampu berlaku adil terhadap (hak-hak) perempuan yatim (bilamana kamu menikahinya), maka nikahilah perempuan (lain) yang kamu senangi: dua, tiga atau empat. Tetapi jika kamu khawatir tidak akan mampu berlaku adil, maka (nikahilah) seorang saja, atau hamba sahaya perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu lebih dekat agar kamu tidak berbuat zalim.”*

Menurut Wahbah al-Zuhaili, ayat ini diturunkan sebagai bentuk pembelaan terhadap hak-hak wanita. Ketika ada seorang lelaki yang hendak menikahi perempuan yatim yang dalam penjagaannya kerana kecantikan dan harta yang dimiliki perempuan tersebut tanpa memberikan mahar yang bersesuaian dengan alasan bahawa perempuan tersebut sudah mempunyai harta yang mencukupi. Kemudian, turunlah ayat ketiga surah An-Nisa ini yang memerintahkan untuk dia menikahi perempuan lain (selain perempuan yatim tersebut) yang dia sukai, dua, tiga atau empat. Namun begitu, Al-Qur'an juga menekankan adalah lebih baik memilih hanya menikahi seorang isteri jika khawatir tidak dapat berlaku adil di antara para isteri termasuk dari segi harta, waktu, atau hal yang berpotensi melukai hati satu sama lain.

Dalam Islam, keharusan berpoligami perlu dilihat dalam konteks yang lebih besar. Ketika ayat keharusan berpoligami ini diturunkan, ia adalah sebagai satu panduan dan kawalan terhadap amalan poligami yang berleluasa ketika zaman tersebut. Ramai masyarakat awam mengetahui berkahwin lebih dari satu itu adalah sunnah, namun ramai yang menggenepikan prinsip keadilan dan anjuran Islam agar seseorang lelaki itu berkahwin hanya satu sekiranya tidak mampu berlaku adil.

Di dalam hadis Nabi SAW juga ada menyatakan, “Daripada Qais bin al-Harith beliau berkata:

*Ketika aku masuk Islam, aku mempunyai lapan orang isteri kemudian datang Rasullah S.A.W menyuruh aku memilih dari kalangan mereka empat orang”* (Abu Daud, 2009).

Hadis ini menerangkan bahawa, hanya empat orang isteri sahaja yang dibenarkan untuk seorang suami itu berpoligami. Walaupun nas-nas ini menjelaskan dibolehkan berpoligami dan Nabi Muhammad juga berpoligami akan tetapi hukum poligami bukanlah menjadi satu tuntutan dan seorang itu mengamalkan sunnah, malah hukum poligami ini boleh menjadi harus, makruh dan haram.

Di dalam kitab Fiqh Manhaji ada membahaskan tentang hukum berpoligami iaitu harus ketika ada kerelaan dari isteri pertama, atau isteri yang pertama sakit yang tidak memungkinkan untuk mempunyai anak dalam keadaan suami sangat menginginkan anak dan yakin mampu berlaku adil. Dalam keadaan ini diharuskan kerana adanya kemaslahatan. Hukum makruh ketika suami berpoligami tanpa sebarang keperluan dan hanya untuk menikmati dan bersenang-senang dengan wujud keraguan untuk berlaku adil. Hukum yang terakhir adalah haram ketika suami tidak mampu untuk berlaku adil dari segala aspek (Mustafa Al-khin, 2011).

Oleh itu, berpoligami bukanlah suatu kewajipan untuk diamalkan malah hukumnya adalah harus berserta syarat-syarat tertentu. Walaupun ia adalah sunnah Nabi Muhammad akan tetapi ia perlu melihat kepada kemaslahatan dan mengelakkan sebarang kemudaratan dan kezaliman yang mungkin berlaku.

### ***Undang-Undang Poligami di Malaysia***

Menurut SZ Ramli dan FW Mustafar (2018), terdapat kajian yang menunjukkan bahawa 80 peratus aduan oleh isteri-isteri dalam perkahwinan poligami adalah berpunca daripada sikap suami yang tidak bertanggungjawab seperti pengabaian nafkah, memukul isteri, tidak mempedulikan pendidikan dan bimbingan isteri. Oleh yang demikian, Poligami di Malaysia walaupun dibenarkan menurut keharusan dalam hukum syarak, namun ianya dikawal oleh perundangan negeri-negeri. Sekiranya mana-mana pihak yang ingin memohon kebenaran poligami dia mestilah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dari Mahkamah Syariah atau Hakim Syarie.

Seksyen 23 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 telah memperuntukkan:

- (1) *Tiada seseorang lelaki boleh berkahwin dengan seorang lain dalam masa dia masih beristerikan isterinya yang sedia ada kecuali dengan terlebih dahulu mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada Hakim Syarieh, dan jika dia berkahwin sedemikian tanpa kebenaran tersebut maka perkahwinan itu tidak boleh didaftarkan di bawah Akta ini.*

Peruntukan ini jelas mensyaratkan seorang lelaki yang berstatus suami orang tidak boleh berkahwin lain kecuali dengan kebenaran bertulis dari Mahkamah. Sekiranya lelaki tersebut engkar dan tidak membuat permohonan ia adalah bersalah dengan peruntukan undang-undang. Walaupun pada asasnya perkahwinan yang tidak mengikut peraturan tidak boleh didaftarkan, bagi menjaga kemaslahatan pihak-pihak dan nasab dari perkahwinan tersebut Mahkamah boleh mengesahkan perkahwinan tersebut jika pihak-pihak dapat membuktikan bahawa perkahwinan sedemikian adalah sah mengikut hukum syarak. Ini membolehkan mahkamah memerintahkan bahawa perkahwinan itu didaftarkan tertakluk kepada seksyen 124 dalam akta yang sama. Berdasarkan subseksyen tersebut dapat dikupaskan bahawa lelaki yang berada dalam kontrak perkahwinan bersama seorang perempuan tidak dibenarkan untuk melakukan kontrak perkahwinan yang lain, melainkan dengan kebenaran Mahkamah. Hal ini demikian kerana, hak dan kebajikan pihak-pihak mestilah dijaga mengikut kehendak syarak dan demi menghalang masyarakat daripada melakukan perkara-perkara yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada orang lain.

Meskipun telah diperjelaskan bahawa Mahkamah Syariah mahupun Hakim Syarie mempunyai bidangkuasa untuk memberikan kebenaran berpoligami, namun mereka juga perlu mematuhi garis panduan yang telah diperuntukkan dalam akta atau enakmen. Penggunaan peraturan pengawalan poligami yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Islam di sesetengah negeri itu telah dilanjutkan dan peruntukan tersebut telah dibincangkan dengan lebih terperinci.

Peruntukan seksyen 23 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] dan di kebanyakan negeri-negeri mensyaratkan beberapa keadaan dan peraturan bagi suami memohon perkahwinan poligami. Pertama, pihak yang ingin berpoligami perlu mengemukakan permohonan bertulis beserta alasan-alasan perlunya kepada poligami kepada mahkamah. Kedua, mereka hendaklah membuktikan kepada Mahkamah bahawa mereka seorang yang mampu untuk

menanggung isteri-isteri dan siapa sahaja yang berada di bawah tanggungan mereka dari sudut pemberian nafkah. Ketiga, mereka mestilah bersifat adil dengan memberikan layanan yang sama berdasarkan hukum syarak kepada setiap isteri mereka. Keempat, mereka mestilah menyakinkan Mahkamah bahawa perkahwinan poligami yang dimohon oleh mereka itu tidak akan mendatangkan darar syarie.

Mereka yang berpoligami tanpa kebenaran mahkamah adalah dikira satu kesalahan di bawah Akta 303 yang sama, seksyen 123 yang memperuntukkan bahawa seorang lelaki yang gagal mendapatkan kebenaran bertulis dari Mahkamah terlebih dahulu sebelum perkahwinan poligaminya maka ia adalah satu kesalahan yang membawa hukuman denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi 6 bulan, atau kedua-duanya sekali. Manakala di Terengganu, kadar hukuman yang dijatuhkan kepada mereka yang melakukan perkahwinan poligami tanpa kebenaran Mahkamah berbeza dengan hukuman dalam Akta 303 yang mana kesalahan ini boleh disabitkan dengan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kewujudan penalti-penalti tersebut adalah untuk mengelakkan daripada berlakunya amalan poligami yang tidak adil demi menjaga kemaslahatan isteri dan anak-anak. Campur tangan Mahkamah Syariah dalam perkara ini dapat melegakan kerisauan para isteri dan sejurus itu menjaga kebajikan mereka. Hal ini demikian kerana, perbuatan poligami tanpa kebenaran dari pihak Mahkamah mungkin akan mendatangkan isu ketidak adilan terhadap isteri-isteri yang ada dan bakal isteri sama ada dari segi kewangan, kasih sayang dan masa yang diluangkan bersama isteri. Apabila terjadinya situasi seperti itu, tidak pelik jika kes perceraian akan meningkat disebabkan pergaduhan- pergaduhan yang bakal terjadi ekoran perkara ini.

Sebelum ini, setiap poligami yang tidak mendapat kebenaran dari Mahkamah akan mengakibatkan perkahwinan tersebut tidak dapat didaftarkan sekalipun perkahwinan tersebut adalah sah mengikut hukum syarak kerana ia melanggar undang- undang (Abdullah, 1997). Walau bagaimanapun dalam peruntukan undang-undang selepas pindaan, perkahwinan poligami tanpa kebenaran telah dibenarkan untuk didaftarkan akan tetapi hanya dengan perintah dari Mahkamah sahaja dan tertakluk kepada denda atau kesalahan yang diperuntukkan.

Seksyen 12(2) menjelaskan bahawa sekiranya perkahwinan tersebut adalah sah mengikut hukum syarak maka boleh didaftarkan di bawah enakmen ini meskipun perkahwinan tersebut berlawanan dengan mana-mana peruntukan bahagian ini tetapi hanya dengan perintah Mahkamah semata-mata, dan jika Mahkamah tidak mengeluarkan apa-apa perintah yang membolehkan perkahwinan itu didaftarkan, maka subseksyen ini tidak dikuatkuasakan ke atas mereka yang berkeinginan untuk mendaftarkan perkahwinan mereka itu. Subseksyen ini diwujudkan kerana kemudarat yang lebih besar akan terjadi yang akan menjelaskan kedudukan isteri dan anak sekiranya sesuatu perkahwinan itu tidak dapat didaftarkan. Maka, perlahan-lahan peruntukan ini dipinda disebabkan desakan dari masyarakat bermula di Kelantan dan diikuti dengan Selangor, Kedah dan lain-lain negeri.

Selain isu peruntukan poligami dari segi syarat permohonan dan implikasi mengingkarinya, undang-undang poligami di Malaysia sangat menjaga kebajikan isteri- isteri yang terdahulu meskipun Mahkamah sendiri telah memberikan kebenaran poligami kepada suami setelah berpuas hati dengan prosuder yang dijalankan. Hal ini demikian kerana merujuk kepada seksyen 23(10) Enakmen Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 telah memperuntukkan mana-mana Mahkamah yang memberikan perintah keizinan poligami kepada mana-mana pihak, mereka juga mempunyai kuasa jika kehendaki untuk pihak yang memohon poligami itu untuk membayar nafkah kepada isteri-isteri mereka yang sedia ada dan menentukan harta sepencarian. Bahkan, untuk memohon satu perintah poligami dari Mahkamah juga bukanlah satu permohonan yang mudah kerana merujuk kepada seksyen 23(4) di bawah enakmen yang sama menyatakan bahawa permohonan yang dibuat mestilah dikemukakan kepada Mahkamah mengikut cara yang dikehendaki dan bersama dengan iqrar yang mengandungi alasan-alasan mengapa perkahwinan itu perlu atau patut dimohon, pendapatan pemohon pada ketika itu, butir-butir komitmen dan kewajipan tanggungan kewangan, bilangan tanggungan

termasuk bilangan yang akan ditanggungnya kelak dan sama ada isteri terdahulu pemohon telah memberi izin atau pandangan telah diperolehi terhadap permohonan tersebut.

Di Wilayah Persekutuan, Mahkamah juga perlu mengeluarkan surat saman kepada isteri terdahulu apabila menerima permohonan poligami dari suami supaya isteri tersebut hadir untuk mendengar permohonan tersebut. Seksyen 23(4) Akta 303 memperuntukkan bahawa apabila Mahkamah menerima suatu permohonan poligami, hendaklah Mahkamah memanggil pemohon, isteri atau isterinya sedia ada supaya hadir apabila permohonan itu didengar dan mestilah dilakukan dalam Mahkamah tertutup. Peruntukan ini menjaga kedudukan isteri terdahulu meskipun keperluan kepada tandatangan atau kebenaran dari isteri untuk membenarkan suaminya berpoligami itu tidak dinyatakan dalam mana-mana peruntukan dan tidak perlu dalam prosedur ini, tetapi ianya hanyalah sebagai langkah untuk memaklumkan tentang hasrat suaminya untuk poligami sekiranya perbuatan suami itu dilakukan tanpa pengetahuannya. Setelah Mahkamah berpuas hati dengan setiap prosuder yang dijalankan melalui permohonan ini, maka Mahkamah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perintah kebenaran poligami kepada pemohon tanpa terikat dengan keengganahan atau ketidakrelaan isteri untuk membenarkan pemohon berpoligami.

Merujuk kepada kes *Ainisram bin Ramli v Norliah bt Misnan [2017] 1 SHLR 47*, fakta kes ini menceritakan tentang Plaintiff telah memfailkan permohonan poligami di bawah seksyen 23 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dengan alasan bahawa pihak isteri nya yang terdahulu tidak mampu memenuhi tuntutan batinnya dan bakal isteri akan menjaga anak plaintiff dan defendant. Akan tetapi, Mahkamah telah membuat penghakiman bahawa permohonan tersebut ditolak kerana Mahkamah merujuk kepada seksyen 23(5) yang menerangkan tentang syarat-syarat untuk membenarkan poligami. Plaintiff telah gagal untuk memenuhi salah satu dari syarat berikut yang mana Plaintiff bukanlah seorang yang berkemampuan dari segi kewangannya dan Plaintiff juga telah gagal memberikan alasan yang kukuh kepada Mahkamah untuk membernarkan permohonannya. Maka, penelitian dari Mahkamah amatlah besar dalam menguruskan permohonan ini agar tidak membebankan mana-mana pihak dan adil dalam menjatuhkan penghakiman menurut hukum syarak mahupun undang-undang.

Oleh itu, amalan poligami ini tidak seharusnya dipandang ringan. Peruntukan yang telah dikuatkuaskan di setiap negeri di Malaysia sudah cukup membuktikan bahawa peruntukan-peruntukan tersebut sangat menjaga nama baik agama Islam, kedudukan suami dan isteri serta kebijakan isteri dan anak-anak. Kewujudan undang-undang yang membawa kepada keperluan kebenaran dari Mahkamah terlebih dahulu sebelum melangsungkan perkahwinan poligami sangatlah efektif, malah perlanggaran kepada peruntukan berikut juga disertakan dengan penalti yang dapat mengelakkan masyarakat dari melakukan perkara yang bertentangan dengan kehendak undang-undang.

### ***Undang-Undang dan Amalan Poligami di Indonesia***

Pengertian poligami menurut undang-undang perkahwinan No. 1 tahun 1974 (fasal perkahwinan) tidak dinyatakan secara jelas namun pada asasnya poligami adalah suami yang mempunyai lebih daripada seorang isteri. Secara dasarnya, perkahwinan di Indonesia berpegang pada prinsip monogami. Ini jelas dinyatakan dalam pasal 3(1) Undang-undang Republik Indonesia No. 1 Tahun 1974 yang mana di dalam perkahwinan, seorang lelaki hanya boleh mempunyai seorang isteri dan seorang wanita hanya boleh mempunyai seorang suami. Kaedah dalam perundangan tersebut selari dengan Kitab Undang-undang Hukum Perdata pasal 27 bab perkahwinan yang mana jelas menyatakan bahawa seorang wanita hanya boleh mempunyai seorang lelaki sebagai suaminya.

### ***Poligami Menurut Undang-Undang Republik Indonesia No.1 Tahun 1974***

Peruntukan prinsip monogami bukan hanya bersifat limitatif sahaja kerana dalam pasal 3(2) Undang-undang Republik Indonesia No. 1 Tahun 1974 dinyatakan bahawa Mahkamah boleh memberi keizinan bagi seorang suami untuk beristeri lebih dari seorang jika dikehendaki oleh pihak-pihak berkenaan. Diikuti dengan pasal 4(2) Undang-undang Republik Indonesia No. 1 Tahun 1974 tentang

perkahwinan yang mana Mahkamah menyatakan bahawa keizinan akan diberikan kepada suami untuk berpoligami sekiranya berlaku keadaan seperti berikut:

1. Isteri tidak dapat menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang seorang isteri
2. Isteri mempunyai kecacatan fizikal atau penyakit yang tak dapat diubati
3. Isteri tidak boleh melahirkan anak

Jika suami ingin memohon permit poligami kepada Mahkamah, seorang suami mesti memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh undang-undang perkahwinan dan peraturan yang ada di Indonesia. Kebenaran ini diberikan oleh Mahkamah sekiranya Mahkamah berpendapat bahawa terdapat alasan yang mencukupi untuk pemohon (suami) mempunyai lebih daripada seorang isteri.

Untuk mendapatkan kebenaran berpoligami daripada pihak Mahkamah, lelaki tersebut mesti memenuhi syarat-syarat tertentu disertai dengan alasan yang wajar. Antara syarat-syarat yang harus dipenuhi untuk berpoligami adalah :

1. Mendapat persetujuan daripada pihak isteri/ isteri-isteri
2. Kemampuan suami untuk menampung keperluan hidup para isteri dan anak-anak mereka
3. Ada jaminan bahawa suami akan melayan isteri dan anak secara adil

Dalam kes poligami, bilangan isteri pada masa yang sama adalah terhad sehingga 4 orang sahaja. Syarat utama yang mesti dipenuhi ialah suami berkemampuan berlaku adil terhadap isteri dan anak-anak. Jika suami tidak mampu untuk menunaikannya, suami dilarang beristeri lebih daripada seorang. Keadilan dari perspektif perundangan adalah keadilan yang dituntut dalam masalah-masalah lahiriah yang mampu dikerjakan oleh seorang manusia sebagai contoh memberi nafkah, tempat tinggal, menjaga makan minum dan sebagainya dan bukannya adil dalam masalah dan kasih sayang. Hal ini kerana cinta dan kasih sayang atau sebagainya tidak boleh dikawal dan dikuasai oleh manusia kerana masalah ini diluar kemampuan seseorang.

#### *Tatacara Poligami dalam Peraturan Pemerintahan Republik Indonesia Nombor 9 Tahun 1975*

Mengenai tatacara seorang suami yang ingin melakukan poligami, maka terdapat juga peruntukan di dalam Peraturan Pemerintah Republik Indonesia Nombor 9 tahun 1975 pasal 40,41,42 dan 43 yang menerangkan tentang suami yang ingin berpoligami. Ianya jelas menyatakan bahawa seorang suami ingin mengamalkan poligami maka suami hendaklah memohon kepada Mahkamah terlebih dahulu, dan Mahkamah akan meneliti semula fail seseorang suami yang ingin berpoligami seperti yang dinyatakan dalam Peraturan Pemerintah Republik Indonesia Nombor 9 tahun 1975 pasal 43 yang mana apabila Mahkamah berpendapat bahawa terdapat alasan yang mencukupi bagi pemohon untuk mempunyai lebih daripada seorang isteri, maka Mahkamah akan memberikan keputusannya dalam bentuk kebenaran untuk berkahwin lebih daripada seorang.

Suami perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dalam Peraturan Pemerintah Republik Indonesia Nombor 9 tahun 1975 pasal 40,41,42 dan 43 sekiranya ingin mengamalkan poligami. Suami perlu minta izin daripada isteri pertama untuk melakukan poligami dan sekiranya isteri tidak membenarkan maka menurut perundangan, suami tidak boleh untuk berpoligami. Selain itu juga, harus ada jaminan masa depan bahawa suami boleh bertindak adil terhadap isteri dan anak-anaknya, serta dapat memberi nafkah kepada isteri dan anak-anaknya secara adil dan sama rata.

Apabila sudah ada penjelasan yang jelas daripada pihak Mahkamah berhubung dengan sebab-sebabnya seorang suami yang ingin berkahwin lebih daripada seorang isteri, kemudian Mahkamah akan memberikan keputusannya mengenai hal bahawa suami boleh mempunyai lebih daripada seorang isteri dan daripada keputusan hakim maka kedua-dua pihak hendaklah menerima keputusan yang telah ditetapkan oleh hakim.

Pegawai pendaftar perkahwinan dilarang melangsungkan perkahwinan suami yang ingin berpoligami sebelum ada keputusan hakim terlebih dahulu. Jika pendaftar perkahwinan masih tetap melakukan perkahwinan terhadap seorang suami yang berpoligami maka pendaftar perkahwinan yang bertugas akan dipecat dan diberhentikan dari pekerjaannya.

### ***Poligami Menurut Undang-Undang di Brunei Darussalam***

#### *Latar Belakang Undang-Undang Keluarga di Brunei*

Sebelum penjajahan Inggeris, undang-undang yang digunakan di Brunei adalah undang-undang Islam yang mana dikenali sebagai Hukum Qanun Brunei yang mana ia ditulis oleh Sultan Hassan dan disempurnakan oleh Sultan Jalilul Jabbar. Kemudian setelah Brunei membenarkan kedatangan Inggeris yang pada mulanya untuk meningkatkan perdagangan dan merapatkan perhubungan, akhirnya Inggeris mula mencampuri hal perundangan di Brunei yang mana menyebabkan berlakunya beberapa rombakan perundangan. Maka disebabkan itu, kewibawaan Hukum Qanun Brunei disempitkan dan dihadkan hanya tentang persoalan Undang-Undang Sivil Brunei. Akan tetapi, mereka diberikan kebenaran untuk melaksanakan Undang-Undang Islam yang mana hanya merangkumi berkaitan perkahwinan, penceraian dan ibadah khusus yang diterhadkan oleh penjajah. Daripada itu, terlahirlah Undang-Undang “Muhammadan ‘s Law Enactment” No 1 Tahun 1911 yang mana bertujuan untuk mengatur urusan agama bagi orang Islam. Kemudian, pada tahun 1913, Brunei telah mengeluarkan dan menyusun pula perundangan berkaitan pendaftaran perkahwinan dan penceraian yang mana perundangan itu dikenali sebagai “Muhammadan’s Marriage and Divorce Enactment” No 2 Tahun 1913.

Seterusnya, pada 1 Januari 1956 bermula penubuhan Undang-Undang Majlis Ugama Islam, Adat Negeri dan Mahkamah Qadi No 20 Tahun 1955 yang mana penubuhan ini bertujuan untuk menyatukan dan menyeragamkan perundangan Islam di Brunei setelah lama dipisahkan dan dicampur tangan oleh pihak Inggeris. Ia juga adalah usaha Sultan untuk memastikan bahawa Islam benar-benar akan berfungsi sebagai pandangan hidup rakyat Brunei serta menjadi ideologi yang pertama dan satu-satunya di Brunei. Semenjak itu, perundangan Islam ini terus menerus berdepan dengan perombakan dan revisi perundangan. Pada akhirnya, terbentuk suatu perundangan yang khusus digunakan sebagai rujukan berkaitan persoalan keluarga seperti perkahwinan, penceraian, nafkah, poligami dan lain-lainnya. Perundangan ini dikenali sebagai Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam) 1999. Perundangan ini juga lah yang menjadi rujukan di Brunei sehingga kini bila berlaku sebarang permasalahan atau isu berkaitan keluarga Islam.

Segala pembaharuan yang dilakukan adalah bagi memastikan perundangan tersebut kesemuanya selari dengan keperluan dan kemaslahatan zaman dari semasa ke semasa. Walaupun bermacam revisi, penambahan dan perkurangan atau perubahan yang dilakukan, namun kesemuanya masih mengikut penetapan Hukum Syarak. Menurut Melayu Islam Beraja (MIB), pegangan fiqh yang diterapkan oleh masyarakat Islam Brunei adalah Mazhab Syafie manakala akidah mereka adalah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kedua-dua penetapan ini juga telah jelas termaktub di dalam MIB mereka. Maka, setiap perubahan yang dibuat pastinya tidak lari dan tidak bercanggah sama sekali daripada Mazhab Syafie dan pengajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

#### *Perundangan Poligami di Brunei Darussalam*

Brunei merupakan salah satu negara Islam di Asia Tenggara yang tidak menentang poligami seperti Malaysia. Walau bagaimanapun, akta perundangan keluarga Islam Brunei iaitu Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah Kadi Brunei telah membahaskan isu poligami secara khusus bagi mengawal amalan poligami yang dilakukan secara berleluasa tanpa alasan yang munasabah. Di Brunei, ia telah diakui juga bahawa poligami merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kepada krisis perkahwinan dan penceraian (Nazihah & Azme, 2023). Akan tetapi, ini tidak bermaksud bahawa Brunei tidak meletakkan perundangan berkaitan poligami ini. Perundangan poligami ini tetap wujud

akan tetapi dengan syarat seseorang lelaki itu menyatakan alasan yang munasabah serta berikrar akan menunaikan tanggungjawabnya.

Di dalam Perintah Darurat (Undang – Undang Keluarga Islam) 1999 Pasal 23(1) ia menyatakan bahawa seorang lelaki itu tidak dibenarkan untuk berkahwin dengan perempuan lain apabila dia sedang berada di dalam suatu perkahwinan dengan isterinya yang sedia ada kecuali dia telah mengisi borang untuk memohon kebenaran daripada Hakim Syarie. Jika seseorang lelaki melanggar peruntukan ini, maka perkahwinannya dianggap tidak sah dan tidak boleh didaftarkan di bawah perundangan ini kecuali dia telah memenuhi kehendak Pasal 123. Selain itu, di dalam Pasal 23(2), ia menyatakan bahawa untuk mendapatkan kebenaran dan kelulusan poligami daripada Hakim Syarie, terdapat beberapa perkara yang mesti dikepikan bersama. Pihak lelaki perlu mengemukakan surat akuan bertulis yang mana dia menyatakan alasan kepada keperluan dan mengapa perkahwinan ini adalah patut. Selain itu, lelaki tersebut juga perlu mengemukakan slip pendapatan semasanya, senarai komitmen dan kewangannya serta bilangan tanggungannya pada masa kini termasuk tanggungan yang bakal ditanggung olehnya hasil daripada perkahwinan yang dimohon ini. Pihak Mahkamah juga mengambil kira izin atau pandangan daripada isteri sedia ada lelaki tersebut sebelum membenarkan perkahwinan ini berlaku.

Walaupun perundangan ini dilihat seperti menyusahkan pihak lelaki, akan tetapi ia adalah salah satu usaha mahkamah untuk memastikan bahawa kebijakan isteri dan anaknya yang sedia ada ini terjamin. Ini juga adalah untuk memastikan hak-hak mereka ini dilindungi tanpa sebarang penindasan. Maka disebabkan itu, campur tangan hakim diperlukan bagi mengukur dan mengadili kemampuan dan kelayakan seseorang itu untuk berpoligami. Andai kata, seseorang lelaki itu melanggar Pasal 23 ini, maka ia dianggap melakukan suatu kesalahan di bawah Pasal 123 dan akan didenda tidak melebihi dua ribu dollar Brunei atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Dengan melihat kepada segala peruntukan dan hukuman yang ditetapkan ini, ia jelas menunjukkan bahawa martabat perempuan serta kebijakan mereka sangat dijaga selaras dengan apa yang ditetapkan oleh Hukum Syarak.

#### *Analisis Kes Poligami di Brunei*

Terdapat beberapa kes poligami yang dibenarkan di Brunei yang boleh dirujuk terutamanya untuk meneliti alasan yang dikemukakan oleh pihak lelaki yang diterima oleh Hakim Syarie untuk mereka berpoligami. Yang pertama, kes *Sapawi bin Alli lwn Ratina binti Wahab*. Di dalam kes ini, pemohon iaitu lelaki tersebut telah datang ke Mahkamah bersama bakal isteri untuk memohon berpoligami. Alasan yang dikemukakan oleh pemohon adalah bakal isterinya memenuhi ciri-ciri isteri yang diimpikannya seperti mampu menjaga rumah, makan minum dan lain-lain. Selain itu, pemohon dan bakal isteri juga telah terlanjur yang mana menyebabkan kepada kehamilan bakal isteri tersebut. Maka, pemohon ingin bertanggungjawab ke atas perbuatannya itu dan berikrar bahawa dia akan sentiasa berlaku adil terhadap keduanya dan melaksanakan tanggungjawabnya secara sempurna. Terdapat juga kes yang mengemukakan alasan yang sama iaitu kes *Shahbudin bin Mohd Tahar lwn Mariana bte Murah*. Di dalam kes ini, pemohon juga memohon untuk berpoligami atas alasan keterlanjurannya dengan bakal isteri sehingga mengandung. Maka untuk mengelakkan daripada dibenci masyarakat dan tidak ingin anak tersebut membesar tanpa seorang ayah, maka dia ingin menikahi perempuan tersebut.

Selain daripada faktor keterlajuran yang dijadikan alasan, terdapat juga kes-kes yang menyatakan alasan yang lainnya. Contoh di dalam kes *Pg Hj Jaya bin Pg Randah lwn Dyg Hjh Nantin bte Timbang*, yang mana pemohon ingin berpoligami disebabkan faktor kesihatan responden. Responden telah mengalami barah pangkal rahim dan kesihatan responden tiada harapan untuk pulih. Maka, disebabkan khawatir akan terjerumus ke maksiat, pemohon ingin berpoligami. Seterusnya di dalam kes *Mohd Yassin bin Abdulah Untop lwn Dyg Norzainah bte Hjh Moksin*, alasannya boleh dilihat seperti kurang keperluan akan tetapi diluluskan juga oleh Hakim. Yang mana pemohon hadir ke Mahkamah

bersama bakal isteri untuk memohon berpoligami atas alasan bagi mengeratkan hubungan silaturrahim antara pemohon dan bakal isteri.

Daripada kesemua kes yang dikemukakan ini, kita boleh lihat bahawa alasan-alasan yang diberikan itu

adalah untuk menebus kesalahan yang telah dilakukan, mengelak terjerumus maksiat dan juga boleh dikatakan hanya kerana hawa nafsu. Akan tetapi, pihak Hakim melihat juga kepada kemampuan lelaki tersebut untuk bertindak adil dan kesediaan melaksanakan tanggungjawab ke atas isteri-isterinya. Maka, jika seseorang lelaki itu memenuhi kemampuan keadilan dan tanggungjawab sepertimana yang telah ditetapkan, pihak Hakim akan menerima permohonan mereka dan membenarkan mereka untuk berpoligami.

### ***Poligami Menurut Undang-Undang di Mesir***

Undang-undang Keluarga Islam di Mesir secara umumnya merujuk kepada ‘*Egypt Personal Status Law*’ iaitu Undang-undang Status Peribadi Mesir khusus bagi Muslim. Ia dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Undang-undang Substansif & Undang-undang Prosedural sama seperti di Malaysia. Undang-undang Substansif termasuklah, Undang-undang Dekri 1\10 No 25 tahun 1920 pindaan 1985 berkaitan Nafkah, Undang-undang Dekri No 100 tahun 1985 yang mengubah Dekri Undang-undang No 25 tahun 1920 dan 1929. Selain itu, Undang-undang No 77 tahun 1943 berkaitan Pewarisan dan Undang-undang No 71 tahun 1946 berkaitan Wasiat. Jika terdapat kelompongan dalam undang-undang bertulis sedia ada berkaitan undang-undang keluarga Islam di Mesir, ia akan merujuk kepada mazhab Hanafi.

Undang-undang perkawinan Mesir tidak mendefinisikan perkawinan atau poligami secara khusus, akan tetapi dalam Artikel 4 Rang Undang-Undang *Egypt Personal Status Law*, dikatakan bahwa perkawinan merupakan suatu persetujuan antara seorang lelaki dan seorang wanita untuk terikat antara satu sama lain dengan maksud secara sah menggauli satu sama lain, dengan tujuan untuk membentuk rumah tangga dengan kasih sayang dan belas kasihan demi keluarga yang kekal dan stabil.

Mesir antara negara Islam yang mengiktiraf dan mempraktikkan poligami di sisi undang-undang negara republik mereka. Namun pelaksanannya harus memenuhi syarat-syarat undang-undang negara, ia merupakan satu-satunya rujukan utama iaitu Undang-undang Dekri No. 100 tahun 1985 yang mana ia merupakan salah satu undang-undang substantif *Egypt Personal Status Law* dan mazhab Hanafi yang mana ianya akan dirujuk jika terdapat mana-mana kelompongan bagi permasalahan poligami khususnya.

### ***Pelaksanaan Undang-Undang Keluarga di Mesir***

Undang-undang Ibu yang dirujuk bagi undang-undang keluarga Islam di Mesir adalah berdasarkan Perkara 2, Perlembagaan Republik Arab Mesir yang menyatakan bahawa Islam adalah agama Negara dan bahasa Arab adalah bahasa rasminya. Prinsip Syariah Islam merupakan sumber utama perundangan. Maka dengan adanya peruntukan ini, undang-undang bagi perkawinan poligami Muslim di Mesir adalah terpakai dan wajar untuk diwujudkan satu peruntukan dalam undang-undang negara (RH Anfasya dan NY Sugiastuti, 2023).

Secara khususnya, negara Mesir memperuntukkan dalam Perkara 11 Undang-undang Dekri No.100 tahun 1985, yang mana menyentuh tentang perkawinan poligami di Mesir dan keperluan suami meminta izin isteri sedia ada untuk berkahwin dengan wanita lain. Perkara 11 ini mensyaratkan bahawa suami harus memberitahu status perkawinannya dalam dokumen pernikahan baru yang ingin dipohon, bahawasa statusnya adalah telah berkahwin bukan bujang, dia harus menyatakan nama isteri atau isteri-isteri sedia adanya beserta tempat tinggal mereka. Pihak Mahkamah kemudiannya akan memberitahu permohonan pernikahan baru ini kepada isteri sedia ada. Dalam Perkara 11A dinyatakan seperti berikut:

“Seseorang yang ingin berkahwin perlu menyatakan status perkawinannya pada borang permohonan perkahwinan. Untuk yang sudah mempunyai isteri, mereka perlu menyatakan nama dan alamat isteri-isterinya. Pegawai pendaftar akan memaklumkan kepada isteri sedia ada tentang permohonan perkawinan tersebut. Seseorang isteri yang suaminya nerka hwin lagi dengan wanita lain boleh menuntut cerai atas dasar kemudaratan nafkah yang diakibatkan oleh poligami, dan mengakibatkan tidak mungkin hidup bersama dengan suaminya secara aman. Hak cerai dapat berlaku, baik ditetapkan ataupun tidak dalam taklik talak. Jika hakim tidak berhasil mendamaikan, maka perceraianlah yang terjadi. Hak isteri hilang dengan sendirinya kalau ia tidak memintanya dalam selama waktu satu tahun dan dia mengetahui perkawinan tersebut. Tetapi, hak ini tetap menjadi hak isteri setiap kali suaminya berkahwin lagi. Seorang isteri (isteri baru) yang dikahwini dan tidak mengetahui jika suaminya telah memiliki isteri sedia ada, juga berhak menuntut cerai dengan segera setelah mengetahuinya.”

Di samping itu, kebenaran berpoligami dari pihak Mahkamah keluarga Mesir sendiri belum ada peruntukan khusus daripada mana-mana undang-undang bertulis seperti di Malaysia dan Indonesia. Walau bagaimanapun, pada April 2022, Perkara 14, Perkara 15 dan Perkara 16 Rang Undang-undang *Egypt Personal Status Law* berkaitan syarat-syarat baru poligami dan perkahwinan kedua telah diusulkan oleh ahli Dewan Rakyat Nasha al-Deeb. Rang undang-undang yang diusulkan ini berfokus kepada mendapatkan kebenaran Mahkamah untuk berpoligami dan memaklumkan kepada isteri sedia ada tentang permohonan poligami tersebut.

Menurut Perkara 15 dalam rang undang-undang tersebut pula, Mahkamah akan memanggil isteri sedia ada untuk hadir di hadapan hakim. Isteri sedia ada akan dipanggil secara peribadi dan jika tidak hadir atau menolak untuk menerima notis mengetahui apa yang terkandung dalam notis tersebut, ianya dianggap sebagai persetujuannya terhadap poligami, dan dengan itu prosiding itu memenuhi bentuk undang-undangnya.

Manakala, mengenai Perkara 16 dalam rang undang-undang tersebut, ia menetapkan, jika isteri sedia ada hadir di hadapan Mahkamah, hakim akan membincangkan dengannya sama ada dia bersetuju dengan poligami atau tidak. Jika isteri sedia ada menolak memberikan persetujuan untuk poligami, dan suami berkeras dengan permohonannya, Mahkamah akan cuba untuk berunding dengan mereka. Jika kedua-dua pihak tetap pada pendirian masing-masing, dan isteri memohon cerai, isteri berhak untuk mendapatkan saguhati hasil dari cerai, dan suami harus membayarnya di khazanah Mahkamah dalam tempoh sebulan dari tarikh keputusan, jika tidak suami akan dianggap menarik balik permohonan kebenaran berpoligami.

Sehubungan dengan itu, dengan adanya Rang Undang-undang Perkara 14, 15 dan 16 *Egypt Personal Status Law* ini, ia dapat membantu melancarkan dan menjadikan undang-undang keluarga Islam di Mesir lebih teratur dan menjaga kemaslahatan kedua-dua pihak sama ada isteri sedia ada maupun suami. Dengan adanya proses undang-undang yang perlu dihadiri dan dipatuhi oleh kedua-dua pihak ianya secara langsung dapat memberi keadilan buat mereka.

Undang-undang keluarga Islam Mesir juga ada memperuntukkan hukuman bagi suami yang melanggar undang-undang prosedur untuk berpoligami. Berdasarkan Perkara 23 Undang-undang Dekri No.100 Tahun 1985, mana-mana suami yang melanggar dan tidak mematuhi undang-undang berpoligami akan dikenakan denda 200 Pounds dan penjara selama 6 bulan.

#### *Contoh Kes Poligami di Mesir*

Mamdouh Al-Subaie yang dikenali sebagai *Big Ramy* adalah seorang atlet bina badan negara Mesir. Pada tahun 2021, *Big Ramy* telah menjuarai Pertandingan Bina Badan Antarabangsa serta dinobatkan sebagai *Mr. Olympia of 2021*. Namun begitu, pada November 2021, *Big Ramy* telah melangsungkan

perkahwinan keduanya secara rahsia di Hotel Alexandria Mesir. Perkahwinan tersebut adalah tanpa pengetahuan isteri pertamanya.

Isteri pertama *Big Ramy*, Marwah Al-Maghribi hanya mengetahui berkenaan perkahwinan kedua suaminya selepas berita tersebut disiarkan di berita dan media sosial. Perkahwinan *Big Ramy* dan isteri pertamanya dikurniakan tiga orang cahayamata. Menurut undang-undang Mesir, isteri yang dipoligamikan tanpa pengetahuannya, isteri tersebut boleh membuat tuntutan cerai dalam masa satu tahun perkahwinan jika mereka tidak mendapat layanan yang adil daripada suami. Layanan tersebut adalah dari segi nafkah zahir dan batin serta apa-apa tekanan yang memberi kesan kepada emosi mereka.

*Big Ramy* telah didakwa Pendakwaan Syariah Mesir atas kesalahan melanggar Perkara 11 Undang-undang Dekri No. 100 tahun 1985 dan dikenakan denda 200 pounds dan penjara selama 6 bulan. Ini kerana, *Big Ramy* semasa membuat permohonan perkahwinan, telah memalsukan status perkahwinannya dan tidak menyatakan nama isteri sedia adanya dalam borang permohonan perkahwinan tersebut. Ia adalah bertujuan untuk menyembunyikan perkahwinan keduanya dari isteri pertamanya kerana jika *Big Ramy* memberitahu status sebenar, Mahkamah akan menghantar notis makluman kepada isterinya sebagai prosedur untuk memaklumkan kepada isteri sedia ada bahawa suami mereka membuat permohonan perkahwinan baru.

### ***Perbandingan Perundangan Poligami bagi Negara Malaysia, Indonesia, Brunei dan Mesir***

Secara umumnya, kajian ini mendapati keempat-empat negara membentarkan poligami kepada masyarakatnya. Ia terkandung dan dinyatakan di dalam perundangan negara masing-masing. Ini kerana asas undang-undang negara-negara tersebut diambil daripada hukum syarak berkenaan dengan poligami. Hukum Syarak tidak melarang poligami bahkan ia dinyatakan keharusannya berserta syarat tertentu di dalam Surah An-nisa ayat 3. Akan tetapi, terdapat sedikit perbezaan pada perundangan Indonesia iaitu prinsip asas perkahwinan di Indonesia berpegang pada perkahwinan monogami sahaja. Ia jelas dinyatakan di dalam pasal 3(1) Undang-undang Republik Indonesia No. 1 Tahun 1974. Namun, prinsip monogami ini bukan bersifat limitatif, dan poligami dibenarkan dengan keizinan Mahkamah dengan beberapa keadaan dan syarat tertentu. Jika suami ingin berpoligami, dia hendaklah memohon permit poligami kepada Mahkamah dan memenuhi beberapa syarat. Antara syarat yang terkandung dalam undang-undangnya adalah mendapat persetujuan pihak isteri atau para isteri, kemampuan suami memberi nafkah kepada isteri dan anak-anak dan ada jaminan daripada suami untuk berlaku adil.

Manakala tiga negara lagi, monogami tidak menjadi prinsip asas perkahwinan, akan tetapi perkahwinan poligami mestilah melalui permohonan daripada Mahkamah bagi memastikan hak isteri terjamin. Terdapat perbezaan pada perincian undang-undang dan pelaksanaannya. Di Mesir, suami perlu membuat permohonan poligami kepada Mahkamah dan isteri sedia ada perlu hadir ke Mahkamah untuk menyatakan persetujuan atau sebaliknya. Jika isteri sedia ada tidak bersetuju dan berkeras dengan pendiriannya, isteri tersebut berhak memohon cerai dan mendapat saguhati daripada hasil perceraian. Dalam keadaan isteri sedia ada enggan hadir ke Mahkamah, Mahkamah akan menganggap isteri tersebut bersetuju dengan perkahwinan poligami tersebut.

Manakala perundangan Brunei pula, suami juga perlu memohon kepada Mahkamah untuk berpoligami dan jika ia melanggar peraturan yang dinyatakan di Perintah Darurat (Undang – Undang Keluarga Islam) 1999 Pasal 23(1) ini, perkahwinan tersebut dianggap tidak sah dan tidak boleh didaftarkan dan penalti juga dikenakan iaitu didenda tidak melebihi dua ribu dollar Brunei atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Di dalam Pasal 23(1) ada menyatakan, pihak lelaki perlu menyatakan sebab dan alasannya untuk berpoligami. Selain itu, pihak lelaki perlu sertakan segala senarai pendapatan dan komitmennya bagi menjamin kemaslahatan isteri sedia ada. Iqrar juga diperlukan oleh suami bagi berjanji akan melaksanakan tanggungjawabnya.

Di Malaysia, perundangan keluarga islam merupakan bidangkuasa negeri-negeri. Sehubungan dengan itu setiap negeri mempunyai perundangannya sendiri akan tetapi perbezaannya tidaklah begitu besar

dan ketara. Undang-undang setiap negeri jelas meletakkan syarat untuk pihak lelaki berpoligami mestilah melalui permohonan di Mahkamah Syariah negeri mengikut alamat bermastautin pemohon. Terdapat negeri yang memperincikan peraturan-peraturan yang perlu dipenuhi oleh suami yang ingin berpoligami antaranya, mengemukakan alasan kepada Mahkamah, membuktikan kemampuan menanggung nafkah isteri dan anak-anak sedia ada, bersifat adil, meyakinkan kepada Mahkamah poligaminya tidak mendatangkan kemudarat dan tidak merendahkan taraf hidup isteri sedia ada. Jika suami berpoligami tanpa kebenaran Mahkamah, terdapat penalti yang dikenakan mengikut kepada akta atau enakmen negeri masing-masing. Sebagai contoh penalti yang dikenakan di negeri Selangor adalah denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi 6 bulan, atau kedua-duanya sekali seperti yang di peruntukkan di dalam seksyen 124 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

## Kesimpulan

Poligami dari sudut hukum syarak adalah harus dan menjadi syarat suami tersebut perlulah berlaku adil. Hukum dan syarat ini menjadi asas dalam setiap perundangan keluarga Islam bagi negara-negara tersebut. Ulama menafsirkan adil dalam poligami adalah adil dalam memberikan kecukupan zahir iaitu dalam bentuk nafkah. Nafkah-nafkah tersebut merupakan keperluan asas yang menjadi tanggungjawab suami untuk menyediakannya iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal. Jika suami tersebut tidak dapat berlaku adil, poligami boleh dihukumkan haram kerana telah menganiaya isteri-isterinya. Di dalam undang-undang bagi setiap negara yang berkaitan, matlamat perundangan di kuatkuasakan adalah bertujuan untuk meletakkan hak kepada tempatnya dan memastikan rumah tangga khususnya isteri sedia ada tidak berada dalam keadaan yang mudarat. Kebajikan isteri juga menjadi faktor utama pertimbangan daripada Mahkamah dalam setiap permohonan poligami. Perkara ini bertepatan dengan *Qawaaid Fiqhiyah* iaitu “kemudaratannya perlulah dihapuskan”. Sehubungan dengan itu, menjadi satu keperluan kepada Mahkamah untuk meneliti dan memastikan suami yang ingin berpoligami dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik seperti yang dilandaskan oleh Hukum Syarak. Kesimpulannya, perundangan yang mengawal poligami di setiap negara yang berkaitan bukan bertujuan untuk menyekat atau mengharamkan perkara yang diharuskan oleh Islam, sebaliknya untuk melindungi kepentingan keluarga agar maslahah mereka terjamin. Ianya seiring dengan ajaran Islam yang menekankan keadilan dan ihsan terhadap keluarga demi mencapai matlamat perkahwinan yang direhdai.

## Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Fakulti Syariah dan Undang-undang atas pembiayaan penyertaan persidangan dan penerbitan prosiding ini.

## Rujukan

- Al-Quran al-Karim Rasm Uthmani , berserta terjemahan Bahasa Melayu (2022).
- Abdul Rahman Ghozali, 2003. Fiqh Munahakat, Kencana, Jakarta.
- Abdullah, R.H. (1997). Poligami di Malaysia.
- Abu Daud (2009). Sunan Abi Daud, Jilid 3. Dar al-Risalah al-'Alamiah
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984
- Amir Syarifuddin, (2006). Hukum Perkawinan Islam di Indonesia, Antara Fiqh Munakahat dan Undang-Undang Perkawinan, Kencana, Jakarta
- Anfasya & Sugiestuti (2023), Perbandingan Hukum Ketentuan Perkahwinan Poligami di Indonesia dan Mesir, *Reformasi Hukum Trisakti*, Vol. 5 No. 2, Mukasurat 340-349.
- Atik Wartini (2013), Poligami: Dari Fiqh Hingga Perundang-Undangan, *Hunafa: Jurnal Studia Islamika*, Vol 2, No 2, muka surat 237-268.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

- Fajar Devan Afrizon (2016), Sanksi Pelanggaran Terhadap Aturan Poligami dan Pencatatan Perkahwinan di Indonesia, Malaysia dan Negara Brunei Darussalam, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Humaira A. Potabuga (2020), Pembaharuan Hukum Keluarga Islam di Brunei Darussalam, Bilancia Vol 14, No. 1, mukasurat 105-119.
- Irwan Ramadhani (2023), Ragam Regulasi Poligami di Negara Muslim Modern (Komparasi Hukum Keluarga Di Asia Tenggara dan Afrika Utara), *Jurnal Antologi Hukum*, Vol 3, No 1, muka surat 17-33.
- Lia Noviana (2021), The Phenomenon of Polygamy in Southern Asia (A Comparative Study of Marraige Law in Indonesia, Malaysia and Brunei Darussalam), 1st International Conference 2021.
- M. A. Tihami dan Sohari Sahrani, Fikih Munakahat: Kajian Fikih Nikah Lengkap, Jakarta:Raja Grafindo Persada, 2010, hlm. 188.
- Mahsuri (2023), Hukum Keluarga Islam Melayu di Brunei Darussalam, *Journal of Ahkam Wa Iqtishad*, Vol 1, No.3, muka surat 101-107.
- Muhammad Bagir al-Habsyi, tanpa tahun. Fiqih Praktis Menurut AlQur'an, as-Sunah, dan Pendapat Para Ulama, Mizan Media Utama, bandung.
- Muhammad, A.K. (1997). Poligami dan Pengamalannya di Malaysia.
- Mustafa al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji (2011), Al-Fiqh Al Manhaji Mazhab Al-Syafie, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Penterjemah Dr Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri & Rakan-rakan.
- Neng Eri Sofiana & Dian Meningtyas (2023), Reaktualisasi Perlindungan Perempuan Dalam Hukum Keluarga Islam Di Arab Saudi Dan Mesir, *Indonesian Journal of Shariah and Justice (IJSJ)*, Vol. 3, No. 1, p. 1-25
- New Bill Sets Conditions for Polygamy in Egypt (2022), Egypt Independent, <https://egyptindependent.com/new-bill-sets-conditions-for-polygamy-in-egypt/>
- Pasal 1 Undang-Undang Nomor 1 Tahun 1974 tentang Perkawinan ("UU Perkawinan") PERATURAN PEMERINTAH REPUBLIK INDONESIA NOMOR 9 TAHUN 1975
- Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam) 1999
- Tellerreports (2021), Big Ramy Faces 6 Months in Prison for Second Marriage, [https://www.tellerreport.com/life/2021-11-24-big-ramy-faces-6 months-in-prison-for-second-marriage.SJLxlnout.html](https://www.tellerreport.com/life/2021-11-24-big-ramy-faces-6-months-in-prison-for-second-marriage.SJLxlnout.html).
- Towpek, H.b. (2010), Konsep Musyarakah Menurut Syeikh Daud Al-Fatani dalam Furu' Al-Masail, *Jurnal Al-Ulum*, 10.
- Ulayyan Rushdi. (2014). Ulum Al-ḥadīth wa-nuṣuṣ min al-athar. *Bayrūt* : al-Mu'assasah al-Lubnāniyah lil-Kitāb al-Akādimi.
- Ulin Nadya, Miftahul Huda, Ketentuan Hukum Keluarga di Brunei Darussalam dan Indonesia.
- Wahbah Zuhaili (2010). Fiqih Islami Wa Adilatuhu, Jilid 5. Darul Fikir.
- Zaini Nasohah. (2000). Poligami. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.